

Isu Akta Pendidikan 1990

PM tegur 27 pendidik Cina

Oleh MANJA ISMAIL

KLANG, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan 27 pendidik Cina yang menyertai DAP baru-baru ini sebagai perbuatan golongan yang tidak sanggup menerima konsep demokrasi yang mengambil kira pandangan orang ramai.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta rakyat supaya menolak golongan pelampau seperti itu sama ada mereka berketurunan Cina, Melayu atau India kerana bagi memastikan kesejahteraan negara sekarang tidak terjejas oleh tindakan seumpama itu.

Dalam masa yang sama, beliau mengingatkan Pindaan Akta Pendidikan akan dilakukan secara sendirian oleh kerajaan jika semua pertubuhan yang diundang menganggotai Majlis Perundingan bagi membincangkan cadangan itu nanti gagal mencapai kata sepakat.

"Dalam sistem demokrasi, kita terpaksa menerima pendapat majoriti. Bagaimanapun, orang ini (27 pendidik Cina yang menyertai

DAP) menganggap pendapat mereka saja yang mesti diambil kira.

"Saya berharap rakyat tidak akan menyokong orang macam ini iaitu mereka yang melampau sama ada kaum Melayu, Cina atau India. Negara kita aman, stabil dan makmur sekarang kerana majoriti rakyatnya bersikap sederhana.

"Kalau golongan pelampau seperti ini mendapat tempat, negara tidak akan aman kerana mereka berkelahi sesama sendiri," katanya menjawab soalan pemberita selepas merasmikan bangunan baru Sekolah Menengah Pin Hwa (Persendirian) di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, apa yang sedang diusahakan oleh kerajaan sekarang ialah pembinaan satu sistem pendidikan kebangsaan.

Justeru itu, katanya, sebarang keputusan mengenainya mestilah mendapat persetujuan semua pihak.

Sambil mengharapkan majlis berkenaan dapat mencapai keputusan berdasarkan permuafakatan secepat mungkin, Perdana Menteri berkata, kerajaan mewakili rakyat dan kerana itu, ia memberi peluang kepada pengkritiknya mengemukakan pandangan masing-masing.

Bagaimanapun, katanya, jika mereka yang diberi peluang bertindak keluar dari majlis itu se-

LIHAT MUKA 2

Malaysia boleh maju seperti Eropah

DARI MUKA 1 1999

perti tindakan DAP dan sekumpulan pendidik Cina keluar dari Majlis Perundingan Ekonomi Negara, kerajaan terpaksa menggubal Akta Pendidikan secara sendirian.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Datuk Seri Dr Mahathir berkata Malaysia boleh maju dan setanding dengan negara-negara Eropah, Korea, Jepun dan Taiwan jika rakyat memastikan mereka terus diperintah oleh golongan sederhana.

Menurutnya, amat penting bagi rakyat menjaga keamanan negara supaya ia tidak dijejaskan oleh mana-mana kumpulan pelampau sama ada daripada kaum Melayu, Cina atau India.

"Golongan ini jangan sekali-kali diberi tempat dalam apa keadaan pun. Sebaliknya, kerjasama rapat kumpulan sederhana Melayu, Cina dan India sekarang mesti dikekalkan supaya negara terus aman," katanya.

Perdana Menteri juga memberi jaminan, kerajaan tidak berniat menghapuskan sekolah berbahasa pengantar bukan bahasa kebangsaan, termasuk sekolah Cina.

Malah, kata Datuk Seri Dr Mahathir, di sesetengah kawasan kerajaan membantu sekolah seperti itu, manakala banyak sekolah Cina dan Tamil diberikan bantuan oleh kerajaan apabila ada yang memohon.

Beliau berkata, walaupun Akta Pendidikan sekarang memberi kuasa kepada menteri untuk mengubah taraf sekolah Cina, kerajaan tidak pernah berbuat demikian sejak negara mencapai kemerdekaan.

"Atas permintaan orang Cina juga, kerajaan sekarang mahu meminda akta itu. Malangnya, masih ada sungutan dan kerana itu kita memberi peluang kepada semua pihak untuk mengkaji rang undang-undang berkenaan.

"Ini menunjukkan kerajaan bersikap terbuka dan sedia mengambil kira pandangan orang ramai," katanya.